

MASLAHAT LITERASI PENDIDIKAN POLITIK SIMBIOSIS GOLONGAN BELIA DALAM MENDEPANI PERUBAHAN LANSKAP KEPIMPINAN NEGARA

BENEFITS OF POLITICAL EDUCATION LITERACY SYMBIOSIS OF YOUTH IN FACING THE CHANGING NATIONAL LEADERSHIP LANDSCAPE

Irma Wani Othman¹
Muhammad Safuan Yusoff²
Mohd Kamal Mohd Shah³
Mohd Sohaimi Esa⁴
Romzi Ationg^{5*}
Mohd Azri Ibrahim⁶
Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah⁷

¹Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)

²Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: safuan_y@yahoo.com)

³Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mkamalms@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: msohaimi@ums.edu.my)

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mratiiong@ums.edu.my) *

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mohdazri@ums.edu.my)

⁷Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Sabah, Malaysia, (Email: raymondmajumah@hotmail.com)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021
Revised date : 21-4-2021
Accepted date : 16-5-2021
Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Shah, M. K. M., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., & Majumah, A. S. A. R. (2021). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Symbiosis Golongan Belia Dalam Mendepani Perubahan Lanskap Kepimpinan Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 82 - 104.

Abstrak: *Kertas kerja ini membicarakan masalah pendidikan literasi politik sebagai simbiosis golongan belia dalam mendepani perubahan lanskap kepimpinan negara. Tujahan diskusi meletakkan justifikasi kepimpinan belia celik minda ilmu politik seumpama suatu keperluan menggalas tanggungjawab demi kelangsungan negara tercinta. Mendasari latar belakang berbentuk inaugurasi, kertas kerja ini meletakkan lensa penelitian ke atas seleksi isu-isu kontemporari antaranya (i) Iltizam Generasi Muda dalam Pendidikan Literasi Politik, (ii) Relevansi Kepimpinan melalui Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007*

(Akta 668), Pindaan 2019), (iii) Kebebasan Bersuara dalam Penentusahan Hak Asasi Mahasiswa, (iv) Vitaliti Belia sebagai Populasi Produktif, dan (v) Belia dan Dunia Pekerjaan. Refleksi ketelitian akta-akta lain seperti (i) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, (ii) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119 (1), (iii) Seksyen 15c (2) Akta Pekerja 1955, serta (iv) Akta Umur Dewasa 1971 dianalisis dan diadun bersama isu perundangan semasa komuniti belia di Malaysia. Disputasi sasaran perbincangan secara tuntas menekankan manfaat literasi pendidikan ilmu politik dalam memperluaskan peluang generasi muda untuk berkecimpung dalam arena politik, mengilap bakat kepimpinan generasi, lantas secara dinamik mencorak lanskap kepimpinan negara ke arah pembangunan negara yang bersifat progresif.

Kata Kunci: Pendidikan Literasi Politik, Belia, Lanskap Kepimpinan Negara

Abstract: This paper discusses the benefit of political literacy education as a symbiosis of youths in facing the change of national leadership landscape. The thrust of the discussion placed the justification of the leadership of the politically literate youths as a necessity to shoulder responsibility for the survival of the beloved country. Underlying the inaugural background, this paper puts a research lens on a selection of contemporary issues including (i) Commitment of Young Generation in Political Literacy Education, (ii) Relevance of Leadership through Youth Organisations and Youth Development Act 2007 (Act 668), Amendment 2019, (iii) Freedom of Speech in the Verification of Student Rights, (iv) The Vitality of Youth as a Productive Population, and (v) Youth and the World of Work. Reflections on the accuracy of other acts such as (i) Universities and University Colleges Act 1971, (ii) Federal Constitution, Article 119 (1), (iii) Section 15c (2) Employees Act 1955, and (iv) Adult Age Act 1971 are analysed and blended with current legal issues of the youth community in Malaysia. The discussion puts emphasises on the benefits of political science education literacy in expanding the opportunities of the younger generation to engage in the political arena and enhance the leadership talents of the generation. Thus, dynamically shaping the national leadership landscape towards a progressive national development.

Keywords: Political Literacy Education, Youth, National Leadership Landscape

Mukadimah

Pendidikan literasi politik merujuk kepada eksplorasi isu-isu politik semasa yang didedahkan kepada golongan belia demi bermatlamat melahirkan generasi muda yang celik minda terhadap hak tanggungjawab dan kewajipan mereka sebagai seorang rakyat berfikiran kritis, proaktif dan cakna urusan pemerintahan negara. Mengklasifikasikan belia sebagai golongan individu berumur 18 hingga 30 tahun telah mencatatkan rekod statistik Jabatan Perangkaan Malaysia kepada bilangan belia seramai 15.1 juta iaitu 46.64 peratus penduduk Malaysia pada tahun 2018 (Berita Harian, 2019c). Unjuran tahun 2030 memperlihatkan peratusan besar pemegang pucuk pimpinan negara bakal dicorakkan oleh komposisi penduduk dari golongan belia (Mohd Uzaini & Suhana, 2018). Dalam konteks tersebut belia merupakan aset yang meneraju arus perdana negara, sayugia layak diberi ruang, peluang dan kepercayaan bagi melibatkan diri dalam landskap kepimpinan negara. Namun begitu, mengambil faktor usia muda, kenaifan serta kurang pendedahan pengalaman telah menyumbang kepada keterpinggiran golongan tersebut untuk teruja memahami pergolakan politik tanah air. Ini ditambah dengan kesibukan kehidupan dalam fasa umur paling aktif mengurus aktiviti

akademik, kerjaya dan kekeluargaan mengakibatkan tumpuan ke arah isu-isu politik tidak dapat menarik perhatian mereka sepenuhnya.

Makalah ini mengambil sudut pandang perbincangan yang menerokai simbiosis pendedahan ilmu literasi politik berkait rapat dengan pentadbiran negara berdemokrasi bagi menjadikan generasi muda peka terhadap isu-isu politik semasa. Pendedahan dari awal usia muda mampu mengakarumbikan keinginan untuk tahu serta peka terhadap keunikan, kelebihan, kepincangan serta kelompangan dalam institusi yang melibatkan bidang politik negara. Cakna ilmu politik meletakkan pemahaman yang jelas dalam minda mereka bahawa wujud amalan kurang wajar serta melanggar sistem perundangan negara yang mengaitkan persoalan integriti dalam ketelusan pentadbiran kerajaan di bawah parti pemerintah yang menerajui negara. Sistem “*check and balance*” parti pembangkang dalam mengentengahkan pelanggaran etika kepimpinan politik tidak akan memperlihatkan kesan sepenuhnya tanpa pemantauan pandangan dari golongan belia dalam mempertahankan hak dan kebajikan rakyat (Borneo Post, 2012). Mengambil contoh penyelewengan dana dan berleluasa gejala rasuah yang menjadi kegusaran umum dianggap hanya sebagai urusan yang ditangani hanya oleh pihak berkuasa, tanpa melihatkan kebertanggungjawaban dari segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama menyumbang ke arah pemerintah yang bersih, cekap dan amanah. Lontaran pandangan dan suara golongan belia ternyata tidak lantang kedengaran dan ini diunjurkan sebagai bersabit sama ada dari sikap tidak peduli mahupun kurang pencerahan berhubung tanggungjawab sebagai warga negara melindungi kesejahteraan negara dari gelaja kurang sihat. Ditambah dengan percanggahan mentaliti ‘orang tua *versus* orang muda’ menyumbang dalam meluaskan jurang serta memangkin ketidaksehaluan pandangan (Mohd Uzaini & Suhana, 2018). Senario tersebut lantas menghalang keharmonian dalam kemuafakatan ahli-ahli politik dan generasi muda. Hal berikut dengan mudah berjaya meminggirkan golongan belia giat untuk menceburkan diri dalam arena politik negara dan akhirnya memberi implikasi negatif terhadap masa depan negara untuk mereliasikan harapan melahirkan serta membangunkan pelapis pemimpin prihatin dan berwibawa.

Dari perspektif tersebut, perbincangan ini merungkai seleksi isu-isu yang berbangkit iaitu dengan meneliti manfaat pendidikan literasi politik sama ada ianya benar berfungsi sebagai simbiosis generasi muda mendepani perubahan lanskap kepimpinan negara. Antara penerokaan isu-isu politik yang dikupas termasuklah (i) Belia dan Kepimpinan Negara, (ii) Perkongsian Pandangan dan Penentusahan Hak Asasi, (iii) Pendidikan Literasi Politik dan Undang-undang, (iv) Vitaliti Belia sebagai Populasi Produktif, dan (v) Belia dalam Dunia Pekerjaan. Percaturan perbincangan turut memfokuskan signifikansi akta-akta seperti (i) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, (ii) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), Pindaan 2019, (iii) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119 (1), (iv) Seksyen 15c (2) Akta Pekerja 1955, serta (v) Akta Umur Dewasa 1971 yang mempunyai perkaitan rapat dengan isu semasa golongan belia. Hala tuju perbincangan menekankan peluang kepada generasi muda untuk berkecimpung dalam arena politik, demi mengilap bakat kepimpinan, menyumbang ke arah pembangunan negara di mana secara tuntasnya kepimpinan golongan belia dipertaruhkan bagi mencorak masa depan sesebuah negara.

(I) Iltizam Generasi Muda dalam Pendidikan Literasi Politik

Perubahan landskap kepimpinan negara tidak hanya terikat dengan fahaman politik yang diperturunkan secara tradisi dari sokongan majoriti penduduk sesebuah negara. Tat kala ini perkembangan dunia melihat generasi muda mula berada di posisi hadapan bagi

menentuacukan hala tuju bangsa dan negara. Pendekatan politik dalam mendukung aspirasi belia sebagai tunggak barisan pelapis kepimpinan negara dilihat suatu perubahan lanskap kepimpinan kenegaraan yang disambut baik demi meletakkan pembangunan ekonomi sejajar dengan era modenisasi (Junaidi, Mohd Fuad, Yahaya, Khaidzir, Abdul Halim & Noor Aziah, 2012). Iltizam generasi muda mendedahkan diri melalui kepercayaan yang diberikan untuk menerajui kepimpinan negara menjadi titik permulaan baik bagi mereka menggalas tanggungjawab menyempurnakan pelbagai hasrat negara. Dari perspektif Islam, pembentukan jati diri generasi muda yang diletakkan pada kedudukan vital iaitu suatu pengharapan untuk berjaya melahirkan anak bangsa berwawasan, faham tanggungjawab serta berinisiatif tinggi dalam mencorak kelangsungan ketamadunan sesebuah agama, bangsa dan negara.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan dari Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2015 mempamerkan unjuran bilangan belia mendahului golongan tua di mana 52.5% adalah golongan yang berumur 30 tahun dan ke bawah daripada anggaran 7.2 billion jumlah populasi manusia. Secara perbandingan pada tahun yang sama golongan belia merupakan komuniti terbesar dengan mengambil peratusan populasi 42.0% daripada keseluruhan bilangan penduduk di Malaysia (Majlis Belia Negara, 2011). Perkara tersebut memberi indikasi golongan belia wajar mempunyai literasi politik dan diperluaskan sokongan bagi mereka untuk menceburi bidang politik agar tahap kematangan berhubung hal ehwal dalam dan luar negeri dapat dicapai. Tuntasnya, sekiranya negara itu tidak mengambil langkah proaktif dalam menggagaskan pendidikan literasi politik ke atas jati diri generasi muda, maka suara belia akan terus tenggelam di mana masyarakat kekal beranggapan bahawa tahap kematangan politik rendah masih belum memperlengkapkan diri mereka terlibat dalam hal-hal kenegaraan.

Dalam usaha merungkai pendidikan literasi ilmu politik, perkara asas yang patut menjadi tumpuan adalah melengkapi generasi muda dengan kemahiran berfikir secara “*world view*” (pandangan wawasan dunia) atau lebih sinonim dikenali sebagai konsep “*big picture thinking*” (gambaran pemikiran besar) serta “*detailed oriented*” (orientasi pemerincian). Anugerah berfikir yang dimiliki oleh setiap manusia adalah sesuatu kemahiran yang boleh dilatih (Zulkifley & Mohd. Asyraf, 2014). Pemikiran “*big picture thinking*” merujuk kepada keupayaan daya pemikiran menjangkau gambaran besar berhubung tindakan pemikiran manusia. Individu yang dianugerahkan oleh “*big picture thinking*” mempunyai kecenderungan untuk berfikir secara kritis dan kreatif, sentiasa menjana visi dan misi sendiri serta diklasifikasikan sebagai penyumbang idea dan penyelesaian masalah yang baik. Sementara itu “*detailed oriented*” pula merujuk daya pemikiran yang lebih sistematik, bertaakul serta cekap bertindak berdasarkan perancangan yang diatur. Pemikiran jenis ini memerincikan permasalahan yang timbul dengan penyelesaian yang lebih bersifat penelitian. Secara kontekstual, bagi mendidik belia Malaysia bersifat celik minda bidang politik maka penerapan dua jenis pemikiran “*big picture thinking*” dan “*detailed oriented*” menjadi satu keperluan yang saling melengkapi bagi melahirkan generasi muda bersifat bijak pandai dan matang (Junaidi *et al.*, 2012).

Ilmuan David Schwartz menolak faktor penyumbang kepada kejayaan manusia tidak wajar diukur dengan kemewahan harta benda mahupun wang ringgit, pengiktifaran kelulusan akademik yang diperolehi mahupun kedudukan latar belakang keluarga (Zulkifley & Mohd. Asyraf, 2014). Sarjana tersebut menekankan elemen kejayaan di ukur dari kehebatan saiz pemikiran individu. Individu berfikiran “*big picture thinking*” menyelesaikan sesebuah

masalah dengan melampias idea secara matang lantas menerokai solusi melalui penemuan baru yang tidak terjangka sebelum itu. Mengaitkan cara berfikir *“big picture thinking”* dalam konteks kepimpinan belia maka timbul generasi muda yang berpandangan jauh cuba menempatkan posisi diri melangkaui masa (Junaidi *et al.*, 2012). Umpama seorang pemimpin yang memvisualkan pemikiran ke atas kejayaan pasukan yang dibimbing dengan mengenalpasti cabaran mendatang. Justeru itu pendidikan literasi politik dikaitkan dengan kemahiran berfikir generasi muda mendepani cabaran semasa dengan mencari solusi untuk masa hadapan.

Dalam kata lain menurut Junaidi *et al.*, (2012), pembinaan kemahiran berfikir gaya *“big picture thinking”* dikaitkan dengan estem diri dalam mengenal potensi untuk mempelajari sesuatu dengan mengambil cabaran dan halangan sebagai kelebihan yang memberi manfaat di masa hadapan. Sementara itu individu yang cenderung menguasai daya pemikiran *“detailed oriented”* diklasifikasikan sebagai insan yang mempunyai anugerah ketajaman pemikiran dan aspek deria diri. Berfikir secara *“detailed oriented”* mempunyai keunikan tersendiri kerana berupaya memperincikan pemikiran secara tentatif. Tokoh usahawan Steve Jobs antara individu di dunia ini yang terkenal dengan daya pemikiran *“detailed oriented”* yang menghasilkan jenama fenomena komputer riba *Apple*. Ciptaan unggul Steve Jobs berjaya mendominasi pasaran dunia bagi sekian lama apabila beliau menganggap ciptaan yang dihasilkan mestilah menepati spesifikasi reka bentuk moden, bertepatan dengan cita rasa pengguna yang semakin bijak menilai.

Membicarakan usaha kerajaan menyusunatur inisiatif bagi memberi pendedahan literasi politik kepada generasi muda dengan cara mengalakkan sistem pendidikan tinggi menawarkan program yang mengandungi elemen sains politik. Dalam konteks tersebut, pendidikan literasi politik wajar mencakupi kepentingan generasi muda mempelajari ilmu politik. Saranan untuk mengikuti perbincangan isu-isu perundangan yang menyentuh sistem perlembagaan negara, parlimen, badan kehakiman dan badan perundangan memberi gambaran hak serta tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia (Awang Besar, Mat Jali, Ibrahim, Ismail, Sidek & Mohd Awal, 2012). Silibus yang ditawarkan juga dikenalpasti boleh diperkembangkan berdasarkan tingkat kesesuaian dan keperluan pelajar mengikut usia. Penekanan literasi politik dikaitkan dengan pendedahan berhubung isu-isu semasa politik tanah air dan seterusnya pemahaman pelajar untuk berfikir secara kritis sebagai seorang rakyat yang prihatin. Pemupukan semangat patriotisme terbit dari topik yang melibatkan kemerdekaan dan kedaulatan, sistem pemerintahan negara, intipati Rukun Negara, serta kesetiaan kepada Raja dan Negara (Irma Wani, 2019).

Dari perspektif Majlis Belia Malaysia (MBM) penubuhan sekolah politik merupakan agenda yang kritikal perlaksanaannya memandangkan literasi politik dalam kalangan generasi muda adalah rendah secara perbandingan dengan domain lain mengikut hasil dapatan Indeks Belia Malaysia 2018 (Majlis Belia Malaysia, 2019). Dengan memfokuskan kepada literasi pendidikan politik dalam kalangan belia diharapkan minat mereka dalam dunia politik dapat dipupuk dan disebarluaskan. Dalam masa yang sama, keprihatinan Institut Pemikiran Tun Mahathir (IPDM), Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Pusat Belia Antarabangsa (IYC) berjaya menubuhkan sebuah Sekolah Politik IPDM-MBM yang menggagaskan politik dan kenegaraan sebagai fokus pendidikan (Majlis Belia Malaysia, 2018). Objektif utama sekolah berkenaan adalah memberi peluang pengembangan minat terhadap dunia politik secara mendalam dalam kalangan generasi muda. MBM berganding bahu menggembelng usaha

bersama Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihanraya Universiti Malaya (UMCEDEL) memperkenalkan Program Sekolah Politik 2.0 secara dalam talian (Majlis Belia Malaysia, 2021a). Program yang dilaksanakan selama lima minggu tersebut bermula pada 6 Mac 2021 sehingga 10 April 2021 memfokuskan perbincangan isu-isu yang dibangkitkan berdasarkan perspektif politik belia serta mempunyai kelangsungan dengan sosialisasi politik dalam Indeks Belia Malaysia.

Modus operandi pelaksanaan program SRN ini diselaraskan bagi setiap yang berada di bawah pengawalseliaan fasilitator program terlatih dan mempunyai latar belakang bidang politik dan undang-undang (Berita Harian, 2019a). Sementara itu silibus dibangunkan dengan rapi setelah mendapat saranan dari ahli akademik, tokoh ternama politik, sejarawan, ahli politik dan budayawan. Antara intipati program adalah membincangkan kuasa dan ideologi politik, demokrasi dan pilihanraya, Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan isu-isu kenegaraan. Menariknya perbincangan berhubung peranan penting sebuah program Sekolah Rukun Negara (SRN) yang diwujudkan bagi menyahut usaha memberi literasi pendidikan politik khususnya mendidik pengundi muda dalam pemilihan pemimpin semasa berlansung pilihan raya (Berita Harian, 2019a). Program SRN merupakan inisiatif dari saranan bernas Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan mementerai kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung amalan demokrasi sistem raja perlembagaan (Berita Harian, 2019a). Kumpulan sasaran adalah belia berusia 18 – 25 tahun yang digalakkan menyertai program ini bagi tujuan mendidik dan memberi kesedaran tentang amalan politik bersih. Seterusnya ilmu berhubung hak dan kebebasan sebagai pengundi diterangkan bagi memastikan belia menjadi cakna undang-undang. Program yang mengambil jangka masa lama ini dilancarkan secara berperingkat di setiap negeri bermula semenjak September 2020 (Berita Harian, 2019a).

Dalam nada yang sama, pendidikan literasi politik boleh juga tercipta dengan simbiosis dua kelompok masyarakat iaitu antara warga dewasa bersama generasi muda. Pertembungan dua zaman kehidupan dimanfaatkan dengan pengalaman luas orang yang lebih berumur, dan di pihak orang muda pula lebih cenderung kepada akses info terkini dan arif dengan dunia modenisasi. Keakraban hubungan simbiosis antara dua golongan berkenaan meletakkan situasi saling melengkapi (*win-win situation*), iaitu penyampaian ilmu literasi politik diutilasikan dengan kombinasi pengetahuan yang berbeza dalam mencapai hasil yang terbaik (Mohd Nizar, Mohd Fuad, Junaidi & Marlisa, 2017). Pendekatan berkenaan merujuk kepada teknik “*reverse mentoring*” yang menekankan bagaimana golongan yang lebih berpengalaman akan dibimbing oleh golongan yang jauh lebih muda (Mohd Nizar *et al.*, 2017). Aspek yang ditekankan dalam pembelajaran dan pengajaran tersebut bertumpu kepada penguasaan ilmu berkaitan teknologi, tren semasa, isu-isu kontemporarai yang dicapai melalui internet yang kebanyakannya menggunakan platform media sosial. Integrasi pengetahuan dua dunia ini diyakini dapat memberi kelebihan kepada golongan tua apabila mereka berkongsi pengalaman merintis pergolakan politik tanah air. Manakala bagi golongan muda pula menyumbang mereka berjasa dalam mendedahkan golongan berumur manfaat dari skil kemahiran penggunaan teknologi moden. Pertembungan pengalaman dan pengetahuan berupaya untuk menarik minat generasi muda mendalami maksud sebenar dunia politik dan bagi golongan tua menjadi celik minda dengan perkembangan politik dunia melalui teknologi dalam talian.

Kesinambungan dari itu, penggunaan media sosial turut menyumbang kepada kecelaruan pemikiran generasi muda yang salah dalam menafsir munajat ilmu dalam merubah kehidupan

rakyat dan negara. Akses kepada penggunaan media sosial oleh golongan belia membawa suatu bentuk pemikiran yang terlalu menghukum tanpa meneliti kesahihan info yang diperolehi berpunca dari sumber yang dimanupulasikan oleh pihak berkepentingan. Justeru itu, walaupun pendidikan literasi politik tidak dapat direalisasikan melalui mata pelajaran khusus sistem persekolahan, namu saluran medium aplikasi bersifat tidak formal seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* berupaya diutilasikan (Berita Harian, 2020a). Penyampaian info yang tidak membosankan boleh dirangkum dalam menyampaikan polisi dan dasar kerajaan serta isu-isu semasa dalam negara dan luar negara. Umum maklum tahap pendidikan golongan belia di Malaysia melepasi tahap persekolahan menengah di mana faktor latar belakang akademik yang baik membantu anak-anak muda peka dengan perkembangan politik tanah air. Tahap minimum akademik adalah mencukupi untuk membentuk kemahiran insaniah, mengutarakan pandangan dan melibatkan diri secara giat dalam arus perdana negara.

Berdasarkan pengumuman Digital 2019, Malaysia meletakkan kedudukannya sebagai negara pertama di Asia Tenggara dan ke-5 di dunia cakna penguasaan medium media sosial (Berita Harian, 2019b). Statistik memperlihatkan antara 3-8 jam dihabiskan oleh rakyat Malaysia mengutilasikan capaian internet dengan melayari platform media sosial iaitu hampir 80% dari pengguna tersebut tergolong dari belia. Bertitiktolak dari corak penggunaan tegar platform media sosial maka ahli politik boleh mengambil kesempatan dengan mendidik belia menjadi warga negara yang berilmu serta bertanggungjawab mengambil bahagian dalam isu-isu politik negara. Usaha untuk mencorak kepimpinan belia boleh disebarluaskan dengan aplikasi media sosial yang canggih serta menarik minat generasi muda. Penggunaan *Whatsapp* tidak lagi dapat menjangkau kumpulan sasar yang lebih luas. Melalui persatuan belia juga pemimpin masyarakat boleh mengadakan strategi mendekati belia dengan program-program yang berorientasikan minat remaja serta secara berperingkat bagi mengubah persepsi positif.

Tindakan bijak para ahli politik yang tidak selektif dalam menggunakan media sosial tetapi mengaplikasikan secara menyeluruh berupaya mencapai populasi belia yang lebih luas lagi. Ini dapat membantu menyelar pemalsuan berita yang menjejaskan kredibiliti dan imej sesuatu pihak dengan cara yang mudah dan masa yang singkat. Penguasaan media sosial yang baik boleh merapatkan jurang antara ahli politik yang berpengalaman dan golongan muda yang tegar teknologi telekomunikasi (Berita Harian, 2020a). Natiujahnya, literasi pengaplikasian media sosial dan literasi pendidikan politik mempunyai kesalinghubungan dalam memahami corak pemikiran dua kumpulan yang berbeza latar belakang tetapi mempunyai keperluan untuk saling melengkapi. Tahap penglibatan akrab antara ahli politik dengan golongan muda memudahkan apabila wujudnya komunikasi dua hala. Tambahan pula, aplikasi media pintar yang dilengkapi dalam telefon pintar signifikan dalam membuat capaian info meluas dan tidak terbatas mampu mengakses maklumat terkini secara meluas dan tidak terbatas serta menggalakkan penyebaran maklumat tanpa sekatan. Generasi muda dilabelkan dengan stigma mudah terpengaruh, lantang bersuara dan menjadikan akaun media sosial sebagai medan perdebatan umum. Keberanian menyuarakan pandangan secara terbuka menggunakan media alternatif seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Youtube*, *Tumblr* membuktikan kepentingan peranan media sosial dalam kehidupan mereka yang berumur 30 tahun ke bawah (Salman, Yusoff, Mohamad Salleh & Hj Abdullah, 2018). Malangnya, penyebaran isu-isu politik di media sosial tidak mendapat perhatian akibat sikap belia tidak peka dan kurang ambil peduli isu yang melibatkan hal ehwal dalam dan luar negara.

(II) Relevansi Kepimpinan Melalui Akta Pertubuhan Belia & Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), Pindaan 2019)

Bagi mendukung aspirasi belia sebagai barisan pelapis kepimpinan negara maka semua pihak harus berganding bahu, menggembelng tenaga membangunkan kelompok terbesar dalam populasi negara kita ini dengan berlandaskan perancangan yang rapi, efektif dan sistematik. Visi kerajaan menjadikan golongan belia sebagai aset tidak ternilai bagi membantu pembangunan sosio ekonomi negara, justeru itu mengatur langkah secara progresif untuk mencapai liabiti sifar ke atas kelompok tersebut. Kesedaran tersebut telah membawa kepada pembentukan institusi-institusi pembangunan belia. Satu kerangka dasar bersepadu diimplementasikan bagi menyerlahkan potensi diri para belia melalui program-program pembangunan modal insan. Merintis sejarah pertubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang digagaskan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia semenjak 1948 cuba menonjolkan pergerakan belia sebagai golongan prihatin dan berminat untuk menceburi hal-hal kenegaraan serta bersama-sama melayari arus perdana negara (Angkatan Belia Islam Malaysia, 2014). Malahan idea bernas mahasiswa UIAM pada ketika itu menjadi imej pembangunan karakter generasi muda yang mempunyai fahaman politik dan ekonomi dan dilengkapi dengan kemahiran berfikir kritis terbit dari literasi pendidikan politik.

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 diperkenalkan bertujuan bagi memangkinkan penyertaan belia iaitu individu berusia 15 – 40 tahun bergiat aktif dalam pembangunan negara di mana elemen pengukuhan jati diri, keakuran kesetianegaraan dan peningkatan kemahiran keusahawanan menghasilkan kepimpinan terhadap golongan tersebut (Kementerian Belia dan Sukan, 2007). Melalui Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 sebarang bentuk aktiviti harus melibatkan seluruh golongan belia sama ada mereka yang menetap di bandar dan bermastatutin di luar Bandar. Cabaran kerajaan pada ketika itu lebih tertumpu kepada cara untuk mencapai penglibatan belia di kawasan pedalaman terutama apabila era teknologi berkembang mewujudkan Revolusi Industri 4.0. Evolusi ekonomi Artificial Intelligence (AI) dengan mengaplikasikan sistem pengkodan menitikberatkan kemahiran berasaskan teknologi yang meminggirkan golongan belia di luar bandar akibat akses terhad ke kawasan pedalaman. Mendepani cabaran kepincangan tersebut kerajaan berusaha mencari alternatif lain bagi menjaga kebajikan rakyat dengan penggubalan Dasar Belia Malaysia (DBM) pada tahun 2015 (Kementerian Belia dan Sukan, 2015).

Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 bertujahkan aspirasi negara dalam pembangunan belia melalui pengembangan potensi individu telah digalaskan di atas bahu Majlis Belia Malaysia (MBM) (Kementerian Belia dan Sukan, 2015). Agenda kerajaan yang mahukan perubahan substantial berterusan dengan bermatlamatkan pembangunan kepimpinan belia bertaraf dunia dengan melahirkan golongan belia mind akelas pertama. Dalam mendukung aspirasi belia sebagai barisan pelapis kepimpinan negara, cabaran utama yang dihadapi datangnya dari dilemma belia menangani rintangan diri. Era kehidupan global meletakkan evolusi dunia bergerak seiring dengan kecanggihan teknologi. Senario tersebut bukan sahaja memberi perbezaan dalam alam pekerjaan yang semakin menitikberatkan modal insan yang dilengkapi dengan ‘*multi-task talent*’, malahan mementingkan kualiti dari kuantiti tenaga kerja. Justeru itu, kerajaan memberi jaminan tidak ada belia bakal ketinggalan dalam pembangunan negara. Hasil penggubalan Dasar Belia Malaysia menyaksikan pelbagai program dirancang menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh firma serta diimplementasikan program latihan bertujuan

meningkatkan potensi diri berdaya saing semasa mengharungi dunia pekerjaan (Kementerian Belia dan Sukan, 2015).

Bagaimanapun tahun 2019 menyaksikan pindaan dari usul Dewan Rakyat yang merujuk kepada Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) telah had umur golongan belia telah diturunkan daripada 40 tahun kepada 30 tahun (Berita Harian, 2019c). Usul berkenaan di bawa oleh pemangku Menteri Belia dan Sukan iaitu Yang Berhormat Syed Saddiq Abdul Rahman yang bertegas merasionalkan keperluan penurunan had umur golongan belia atas alasan penglibatan belia kurang mendapat sambutan umum disebabkan faktor umur yang mencecah usia kematangan dalam kegiatan politik. Isu penurunan had umur golongan belia mendapat liputan hangat dan satu memorandum khas dikemukakan oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) kepada kerajaan memohon semakan semula demi keadilan buat semua pertubuhan belia (Majlis Belia Malaysia, 2020) Berdasarkan Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia had umur belia adalah 40 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 2015). Ternyata dengan penurunan had umur belia kepada 30 tahun memberi implikasi bukan sahaja kepada bilangan keahlian tetapi juga merombak kelestarian suasana menjadi tidak lagi bersifat progresif.

Kesinambungan dari isu penurunan usia pengklasifikasian belia, sekali lagi perhatian masyarakat dialihkan kepada pengumuman Menteri Belia dan Sukan menurunkan tingkat umur layak mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun (Astro Awani, 2019). Justifikasi dari tindakan tersebut disandarkan kepada keadilan dalam memperluaskan peluang kepada generasi muda yang berusia 18 tahun merasai pengalaman mengundi kerajaan yang mereka mahukan mentadbir negara. Ini kerana belia adalah golongan majoriti mencorak masa depan negara lantas berhak memilih pemimpin negara malahan menyuarakan pandangan mereka berhubung hal ehwal negara. Dengan meniadakan hak mengundi pada usia 18 tahun maka sebahagian besar populasi penduduk Malaysia iaitu golongan belia yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun maka ini sekali lagi dikatakan bertentangan dengan perundangan Malaysia berhubung takrifan dewasa (Utusan Malaysia, 2021b). Berdasarkan Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21), rakyat Malaysia diiktiraf dewasa apabila mereka menjejak usia 18 tahun di sisi undang-undang (Majlis Belia Malaysia, 2021b). Dari lensa perundangan, individu berumur 18 tahun dibenarkan memasuki dan menandatangani kontrak serta perakui sebagai orang dewasa di mahkamah.

Mengambil ketetapan kesahan perundangan di mana ketika mana individu berusia 18 tahun mampu memikul tanggungjawab dan menggalas risiko dari tindak tanduknya, pengiktirafan tersebut tidak boleh dinafikan oleh ahli-ahli politik yang dilihat bias dan berkemungkinan mempunyai agenda peribadi (Utusan Malaysia, 2021b). Dengan kata lain, rentetan dari penurunan had umur layak mengundi kepada 18 tahun, persatuan politik wajar bertindak bijak dengan menawarkan inisiatif memberi pendedahan berhubung dunia politik dalam usaha berkongsi ilmu politik ke arah membentuk pemikiran kritis belia yang cakna hak mereka sebagai rakyat Malaysia. Mendasari garis panduan '*United Nation Convention of Right of Child*', individu berumur 18 tahun dianggap golongan cukup dewasa yang bermampuan membuat keputusan matang tanpa pengaruh kurang wajar (Majlis Belia Malaysia, 2021b). Perkara ini didokong majoriti negara maju demokrasi yang membenarkan rakyat mengundi pada usia 18 tahun. Sejarah perkembangan politik negara-negara Eropah menurunkan had umur pengundi 18 tahun seawal era 60an tanpa mengalami konflik pentadbiran negara. Negara-negara seperti Jepun, Korea, India, Bangladesh, Iraq, Iran dan

Pakistan kekal mengamalkan sistem demokrasi bersifat progresif dengan warga negara berusia 18 tahun keluar mengundi (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Justeru itu Malaysia wajar mencontohi pengalaman sama ada negara maju mahupun negara sedang membangun dalam amalan sistem demokrasi yang memberi kepercayaan tinggi kepada golongan belia yang bakal mencorak hala tuju negara pada masa mendatang.

Jelas dari itu masyarakat harus menyakini dan bersifat lebih terbuka menerima penurunan had umur mengundi, manakala parti politik pula wajar berkongsi isu-isu semasa politik bagi mendapatkan pandangan warga belia. Golongan belia merupakan komuniti sihat, produktif dan aktif yang mampu mencorakkan iklim ekonomi, sosial dan politik negara. Oleh yang demikian, golongan yang berumur 18 tahun seharusnya diberikan peluang untuk membuat keputusan dalam memilih pemimpin kerana undian haruslah merangkumi pelbagai peringkat usia bagi mengukur dan menilai kejayaan kerajaan yang wujud dalam pelbagai perspektif. Justeru, cadangan had umur layak mengundi diturunkan dari 21 tahun kepada 18 tahun dan usul meminda akta berkaitan di dalam Perlembagaan Persekutuan mendapat kelulusan yang mengiktirafkan individu berumur 18 tahun mengundi dalam pilihan raya akan datang (Berita Harian, 2018).

Apabila belia dijadikan tunjang kekuatan bangsa dan negara, penglibatan belia dalam dunia politik menjadi signifikan. Pendedahan isu-isu kontemporari yang melibatkan pergolakan politik negara secara tidak langsung mampu membuka minda dan cakna terhadap pergolakan kuasa dalam pentadbiran negara (Ationg, Esa, Ibrahim & Muis, 2020a). Pengalaman turutserta dalam proses pemilihan pemimpin negara memperluaskan perspektif berhubung senario politik negara-negara luar. Penyertaan sebagai pengundi pilihanraya sedikit sebanyak boleh mengurangkan sifat alpa golongan belia yang sebelum ini bersikap kurang mengambil kisah tentang isu dan konflik politik negara akibat terikat dengan kesibukan menguruskan kehidupan pada usia aktif. Kurangnya tumpuan terhadap hal ehwal negara dapat dibendung apabila mereka terpanggil atas tanggungjawab sebagai pengundi pilihanraya umuma. Tanggungjawab sebagai seorang warganegara yang didedahkan semenjak usia muda mendorong perasaan ingin tahu yang dapat dipupuk kematangannya seiring usia mereka (Ationg, Ibrahim, Esa & Layapan, 2020b). Kebaikan menurunkan had umur mengundi 18 tahun berupaya melahirkan golongan belia yang berganding bahu bersama-sama memikir, mencadang dan menyelesaikan isu-isu pergolakan politik negara (Berita Harian, 2018). Ketika mana golongan muda dibenarkan untuk mengundi, bukan sahaja mereka menjadi berani dalam menyuarakan isu-isu berkaitan diri mereka, malahan yakin dalam memperjuangkan perkara yang bersabit dengan kesejahteraan umum. Tatkala pandangan golongan belia tidak lagi diambil remeh kerana setiap undi mereka membawa perbezaan di atas kemenangan calon pilihan raya, para belia sewajarnya sentiasa berpegang dengan pendirian untuk mengekalkan nilai-nilai unggul demi kepentingan negara.

(III) Kebebasan Bersuara dalam Penentusahan Hak Asasi Mahasiswa

Kebebasan bersuara merujuk kepada lontaran pandangan berhubung fakta berasas tanpa menyentuh isu sensitif yang bebas unsur pertelingkahan serta bersalinghubungan dengan hak asasi manusia tanpa mengira gender, umur, bangsa dan agama (Rozita, Muhammad Rahimi & Bahiyah, 2018). Membicarakan soal kebebasan bersuara golongan belia yang melibatkan mahasiswa merupakan isu yang diperdebatkan yang selalunya bertumpu kepada pertikaian kelayakan untuk bersuara yang selalunya mengundang kontroversi dengan dilabelkan sebagai menentang peraturan dan dasar tertentu. Namun begitu era modenisasi menyaksikan rakyat

Malaysia yang cakna dengan konsep negara demokrasi semakin membuka ruang dan peluang mendengar tanpa prejudis suara mahasiswa apabila generasi muda berkenaan menggunakan platform yang tepat.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971)

Akta Universiti dan Kolej Universiti termaktub di bawah kuasa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi autoriti universiti menguruskan peruntukan, penyelenggaraan dan pentadbiran seperti mana diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada April 1971 (Berita Harian, 2019d). Objektif utama AUKU 1971 mendelegasikan kuasa kepada pengurusan universiti bagi penyelarasan pemantauan tadbir urus dan governan institusi pengajian tinggi. Antara peruntukan dalam AUKU 1971 yang mempunyai perkaitan dengan hak bersuara mahasiswa menyentuh tentang hak keadilan mahasiswa dalam penglibatan kegiatan politik kampus. Komuniti pelajar universiti rata-ratanya berada dalam lingkungan usia 20an dianggap belum mempunyai kematangan sewajarnya dalam melakukan pertimbangan keputusan yang membabitkan hal-hal berbaur politik dan mempunyai implikasi memudaratkan hal ehwal negara. Pihak pengurusan universiti pula sering menganggap bahawa medium yang diwujudkan seperti Hal Ehwal Pelajar memadai bagi menangani isu-isu berbangkit melibatkan dilemma dan permasalahan dalam kalangan mahasiswa (Norshamliza, Tuan Muhamad Shafiq, Mohd Akmal Fauzan, Nur Farah Syahiera & Naszrul Nizam, 2019). Andaian tersebut telah membawa spekulasi dari pihak pelajar universiti berhubung ketelusan pihak pengurusan universiti dalam memberikan hak keadilan mereka. Justeru itu, bertunjahkan AUKU 1971 diyakini berfungsi sebagai asas rujukan dan panduan yang dimeteraikan dari perspektif perundangan terhadap hak pelajar dan tanggungjawab universiti. Persoalan berhubung hak asasi seperti kebebasan bersuara yang selama ini membelenggu kotak pemikiran mahasiswa berhak mendapat solusi daripada peruntukan perundangan yang terkandung dalam AUKU 1971.

Kebebasan Bersuara Mahasiswa dalam Kegiatan Politik Kampus

Kegiatan politik kampus difahami oleh segelintir masyarakat luar sebagai aktiviti yang mempunyai unsur negatif dan patut dihindari oleh mahasiswa disebabkan ianya merupakan agenda yang bercangah dari matlamat mereka untuk mendapatkan ijazah pengajian (Mazli, Abdul Razak & Abdul Rashid, 2015). Kekeliruan berkenaan bersabit dengan stigma yang dikaitkan dengan insiden-insiden yang kurang menyenangkan terbit dari tindakan golongan mahasiswa yang dilabelkan keterlaluan dalam mengikut emosi dan amarah semasa menyampaikan hasrat mereka kepada pengurusan universiti dan juga pemerintah (Roslizawati & Mohd Rizal, 2017). Apabila manupulasi isu berkenaan digemburkan dan akhirnya menarik kerisauan masyarakat di luar yang semestinya mempunyai anak-anak yang sedang mengikuti pengajian maka ianya sedikit sebanyak telah merosakkan imej kegiatan politik kampus yang melibatkan kebebasan bersuara golongan mahasiswa. Rentetan dari itu, keprihatinan yang mendalam haruslah diletakkan berhubung tata cara penyampaian maksud atau mesej golongan pelajar kepada pihak yang terlibat. Dalam masa yang sama pihak universiti juga tidak seharusnya memandang enteng terhadap hak asasi bersuara para pelajar universiti kerana implikasi dari keresahan di atas keterpinggiran dilema mereka dijangka bakal mengundang permasalahan yang lebih kompleks di kemudian hari. Komuniti kampus mendominasi generasi muda yang bersifat teruja pastinya memerlukan penyelesaian segera apabila membabitkan isu-isu mendesak yang memerlukan penyelesaian segera. Natijahnya, perkara yang dipandang ringan oleh pihak pengurusan universiti mungkin merupakan masalah yang besar yang membebankan golongan pelajar.

Apabila membicarakan tentang kepemimpinan generasi muda sebagai tunggak negara di masa hadapan, sayugia kita harus melihat platform pilihan raya kampus sebagai *venue* tepat untuk dijadikan medan latihan melahirkan pemimpin masa depan. Pendidikan politik yang diuar-uarkan oleh kerajaan melalui pelbagai dasar semestinya tidak akan dicapai sepenuhnya sekiranya mahasiswa kita masih lagi teragak-agak untuk ke hadapan agar boleh memperlihatkan kredibiliti dan aura kepemimpinan yang ada dalam diri mereka (Muhamad Ali, 2009). Pemupukan jati diri mengambil masa yang panjang dan memerlukan pendedahan pengalaman luas bagi benar-benar mematangkan diri. Dalam konteks tersebut, keraguan pelbagai pihak terhadap kebaikan yang timbul hasil dari memperluaskan peluang bagi mahasiswa menceburi kancah politik kampus adalah suatu tindakan yang kurang bijak. Dalam era zaman berubah begitu pantas denga teknologi yang semakin canggih, kita tidak boleh mengeneipkan unsur pembangunan modal insan yang bakal memberikan kebaikan ke atas ketamadunan masyarakat dan negara.

Usaha mendelegasikan tanggungjawab kepada Majlis Persatuan Mahasiswa (MPP) bagi menguruskan sepenuhnya agenda pilihan raya kampus dilihat sebagai usaha proaktif dalam meletakkan kepercayaan keada generasi muda mengorak langkah melampiaskan hak kebebasan bersuara mereka pada saluran yang sesuai (Junaidi, Mohd Fuad, Novel & Mazlan, 2013). Istilah Menara gading bagi menggambarkan sebuah institusi yang memartabatkan penerokaan ilmu mendukung simbiosis mahasiswa melalui proses pembangunan sahsiah dan hemah diri mendepani cabaran menjadi seorang pemimpin. Pengalaman kepemimpinan yang dicerna hasil dari pendedahan mendapatkan sokongan untuk meraih undi dalam pilihan raya kampus dianggap pembelajaran yang tidak ternilai maknanya dan diserap bawa ke dalam kehidupan selepas menamatkan pengajian di universiti. Sistem sokongan yang diperolehi di peringkat universiti dan diiktiraf penglibatan aktiviti dalam politik kampus menjadi pencetus kepada kewibawaan mahasiswa diiktiraf sebagai pemimpin berkarisma dan disegani di kemudian hari.

Selain daripada kempen pilihan raya kampus, penglibatan mahasiswa dalam program yang berbentuk debat, dialog, forum, bual bicara dan ceramah juga ternyata meletakkan mereka pada kedudukan yang mendapat liputan dan perhatian pihak yang turut serta terlibat. Melalui penyertaan dalam program berkenaan masyarakat berupaya melihat kebijaksanaan golongan mahasiswa dalam merungkai isu yang membelenggu mereka dengan mengesyorkan cadangan bagi solusi kepada permasalahan yang dihadapi. Sifat proaktif pelajar dalam usia yang dahagakan ilmu pengetahuan menjadikan mereka berusaha untuk mencari resolusi terhadap kesulitan yang dihadapi. Manakala sifat yang teruja melontar suara secara lantang hanyalah sifat semulajadi manusia yang bertindakbalas dengan persekitaran kurang kondusif, di tambah lagi apabila mereka berada dalam dilemma dan memendam rasa atas niat yang tidak kesampaian (Suhailie, 2019). Dalam konteks tersebut, peruntukan perundangan berhubung hak dan tanggungjawab mahasiswa dalam AUKU 1971 turut dibatasi dengan perkara-perkara yang wajar disuarakan di mana isu-isu yang membangkitkan sentiment perkauman ataupun memperlihatkan elemen disriminasi tidak dilayan sama sekali (Ummi Munirah Syuhada, Faridatulazna, Nur Riza, Mansor, Wan Suraya & Wan Shahzlinda, 2016). Contohnya isu-isu mengaitkan sensitiviti kebebasan beragama dianggap antara perkara yang tidak boleh disentuh terutama apabilanya mengaitkan unsur pemesongan akidah dalam kalangan umat Islam dan kedaulatan Malaysia yang mengangkat Islam sebagai agama rasmi negara (Ummi Munirah Syuhada *et al.*, 2016) Selain dari pengecualian tersebut, mana-mana pandangan yang ingin disampaikan oleh pelajar universiti tidak akan dipinggirkan malahan dianggap sebagai

sumbangan dalam menghasilkan idea-idea bernas ke arah mencapai pembangunan modal insan yang berkualiti.

Akta Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119 (1)

Pindaan Akta Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119 (1) yang dilaksanakan pada Julai 2019 telah membuka mata rakyat Malaysia berhubung hak perundangan mengundi bagi populasi paling besar negara iaitu golongan belia (Berita Harian, 2019c). Pindaan yang mendasari had umur layak mengundi bagi pilihan raya umum negara diturunkan dari usia 21 tahun kepada 18 tahun menggembarkan majoriti masyarakat Malaysia yang masih belum bersedia menerima perubahan yang dianggap radikal. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen anjakan berkenaan tidak sewajarnya memberi tamparan hebat kepada segelintir dari kita memandangkan amalan memberikan tanggungjawab mengundi telah dilakukan di kebanyakan negara luar semenjak bertahun lamanya. Menyedari hakikat Malaysia masih meletakkan kepercayaan yang rendah ke atas kredibiliti golongan belia menggalas tanggungjawab dalam menentukan kepemimpinan negara terdapat pihak yang berkepentingan telah mengambil kesempatan dengan menjadikan isu tersebut sebagai kemelut pentadbiran negara. Anasir subversif yang bermotifkan agenda politik menguar-uarkan penurunan umur kelayakan mengundi sebagai agenda memanipulasikan kenaiifan pengundi muda yang belum mencapai kematangan memilih tampuk pemerintahan negara.

Rentetan dari itu pindaan Akta Perlembagaan Persekutuan, Perkara 119 (1) turut mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong setelah majoriti Ahli Dewan Negara bersepakat bersetuju di atas keputusan tersebut. Dari lensa penguatkuasaan perundangan negara, Perkara 119 (1) termaktub sebagai peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia yang membenarkan Undi 18. Hasil dari statistik yang digarap oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mengeluarkan bilangan penduduk negara ini yang merangkumi 5.6 juta orang berusia 18 tahun ke atas, manakala 1.2 juta daripadanya merupakan warga negara yang berada dalam lingkungan usia 18 hingga 20 tahun. Justeru itu sokongan 211 anggota parlimen yang mewakili rakyat tidak mengusulkan untuk menolak ataupun berkecuali sebenarnya memberi justifikasi kesahihan Undi 18 dari sudut pandang perundangan. Pindaan berkenaan turut menarik perhatian para penganalisis politik dalam dan luar negara kerana telah mencatatkan rekod pindaan ulung kali dalam perlembagaan semenjak pentadbiran mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Mengambil kira percaturan perdebatan Undi 18, Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan (AMK) Sabah, Yang Berusaha Razeef Rakimin tampil ke hadapan menyeru rakyat untuk menyokong sepenuhnya pelaksanaan tersebut dengan merujuk pengalaman positif negara luar yang menikmati manfaat pengundi muda (Majlis Belia Malaysia, 2021b). Antara isu diketengahkan bagi menggambarkan kelebihan Undi 18 di Malaysia adalah dengan membuat perbandingan antara negara-negara seperti Amerika Syarikat, Argentina, Itali, Perancis, Jerman, Jepun dan India di mana meraih undi dari populasi belia terbukti memberi impak besar ke atas sistem pemerintahan yang lebih berwawasan. Ini disokong dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh United Nation Convention the Rights of Child mengenai pengiktirafan umur 18 tahun sebagai dewasa serta cukup matang untuk keluar mengundi. Manakala di pihak golongan belia pula rata-rata merasa teruja untuk keluar pengundi dan merasakan peluang yang diberikan menjadi penanda aras kepercayaan negara ke atas kredibiliti generasi muda membuktikan keprihatinan mereka terhadap hal ehwal kenegaraan.

Dari perspektif yang berbeza, terdapat pihak kurang bersetuju terhadap pelaksanaan Undi 18 lantas mencadangkan kerajaan menangguhkan implementasi yang membenarkan golongan tersebut keluar mengundi. Sementara itu segelintir pihak turut melahirkan kebimbangan mengenai umur 18 sebagai tahap usia naif dalam menentukan masa depan pemerintahan negara. Penurunan garis umur layak mengundi haruslah seiring dengan kematangan pengundi itu sendiri kerana ianya memberi ruang bagi pengaruh kurang wajar mendominasi keputusan yang dilakukan dalam pemilihan tampuk pemerintahan negara. Negara seharusnya mengambil pendekatan berhati-hati dengan memberikan pendedahan pendidikan politik terlebih dahulu sebelum membuat keputusan membenarkan Undi 18 menentukan masa hadapan negara. Kesedaran berkait ilmu pentadbiran negara mencakupi fungsi kerajaan, pengasingan kuasa badan perundangan dan kehakiman, bidang kuasa Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebagai dwidewan Parlimen, sehinggalah kepada tata cara pengundiaan perlu difahami oleh golongan belia sebelum layak turun mengundi. Lantas usulan improvisasi sistem pendidikan dengan memperkenalkan mata pelajaran politik dan pentadbiran negara yang dikatakan memangkin celik minda generasi muda harus digalas oleh Kementerian Pengajian Malaysia serta Kementerian Belia dan Sukan (Majlis Belia Malaysia, 2019).

Isu Perwakilan Belia Dalam Parlimen & Akta Umur Dewasa 1971

Apabila Parlimen meluluskan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang menurunkan had umur minimum kelayakan, implikasi berikut menyaksikan hak mengundi mempunyai pemberat yang sama layak menjadi calon pilihan raya. Tindakan yang pada awalnya bertujuan untuk memberikan kesaksamaan dan keadilan kepada golongan belia menyertai proses memilih kerajaan memerintah telah menimbulkan pelbagai spekulasi. Kepincangan perwakilan dari kalangan belia telah meletakkan Majlis Belia Malaysia (MBM) mengandakan usaha menggalakkan penyertaan belia untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum (PRU), sekaligus memperluaskan peluang dan kebarangkalian golongan belia segera mengisi lompang kerusi wakil rakyat dalam Dewan rakyat dan memenuhi kuota dalam Dewan Negara. Strategi MBM dalam menasarkan 80 ahli parlimen dari golongan belia dilakukan dengan mengambilkira perwakilan dari populasi belia Malaysia meliputi 40% penduduk iaitu 14.7 juta orang (Berita Harian, 2021). Tokoh muda dalam kalangan profesional serta mempunyai kepimpinan berkaliber dijangkakan mengambil tempat bagi mengisi kekosongan yang ada.

Dalam konteks senario hari ini, Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua negara mengukuhkan ketelusan sistem pilihan raya sebagai elemen vital menentukan tahap demokrasi sesebuah negara (Roslizawati & Mohd Rizal, 2017). Melalui sistem ini, rakyat telah diberikan hak untuk memilih dan menentukan parti atau pemimpin yang akan menguasai, mengurus dan memimpin negara kita. Justeru itu pengalaman Pilihan Raya Umum 2008 (PRU 2008) yang telah menyaksikan Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan yang paling teruk sepanjang 52 tahun Malaysia merdeka menjadi iktibar kepada negara (Norhayati Mohd. Salleh, 2008). Penelitian terhadap faktor penyumbang kepada kekalahan BN adalah kekhilafan pemerintah pada ketika itu bersifat alpa perubahan dari segi peranan dan autonomi generasi muda, modernisasi dunia tanpa sempadan dan kepesatan dan kecanggihan teknologi. Golongan muda Malaysia hari ini lebih peka dan bersedia memperjuangkan hak mereka untuk keluar mengundi dalam pilihan raya umum akan datang.

(IV) Vitaliti Belia sebagai Populasi Produktif dan Cabaran Dunia Pekerjaan

Vitaliti belia sebagai populasi produktif di sesebuah negara merupakan asset yang tidak ternilai, namun golongan tersebut tidak terkecuali dari berhadapan dengan cabaran dunia pekerjaan. Tidak dinafikan negara merancang pelan tindakan yang melibatkan golongan belia yang merupakan populasi paling besar dan aktif bekerja. Sebagai barisan hadapan dalam pembangunan sosio ekonomi, liabiliti belia disandarkan bagi mencorak hala tuju kepimpinan negara di mana keterlibatan belia harus bergerak seiring dengan perkembangan global. Namun begitu musibah Covid-19 yang melanda dunia memberi kesan kritikal ke atas sektor pekerjaan. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 merupakan titik merudum pengangguran dalam kalangan belia apabila kehilangan punca pendapatan apabila premis pekerjaan terpaksa ditutup bagi membendung penularan pandemik yang mengganggu gugat kesihatan umum serta mengorbankan ramai nyawa (Abdul Rashid, 2020).

Seksyen 15(c)(2) Akta Pekerjaan 1955

Krisis dunia pekerjaan melanda Malaysia apabila negara merekod kadar pengangguran paling tinggi iaitu 3.9 peratus pada suku tahun pertama tahun 2020, berbanding dengan hanya 3.3 peratus pada tahun 2019 (Berita Harian, 2020b). Majikan mengambil pendekatan tidak mahu menanggung kerugian berterusan apabila tidak mampu lagi menanggung kos pengoperasian dan pembayaran gaji pekerja pasca Covid-19. Rentetan dari itu pelbagai isu pertikaian di antara majikan yang diwakili oleh persatuan majikan serta pekerja yang diwakili oleh kesatuan pekerja. Persatuan Majikan Malaysia (MEF) menggunakan hak mereka sebagai majikan untuk tidak memberi pertimbangan ke atas pemberhentian pekerjaan bagi isu-isu seperti pekerja yang sambil lewa tidak hadir bekerja semasa tempoh PKP dilaksanakan oleh kerajaan. Mengguna pakai peruntukan Seksyen 15 (c)(2) Akta Pekerja 1955 yang menyatakan kuasa mutlak atas majikan bagi kesahan pemberhentian pekerja yang melanggar syarat-syarat dalam pekerjaan (Harlida Abdul & Mumtaj, 2016).

Manakala dalam usulan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah membidas kewajaran tindakan pihak majikan yang memmanupulasikan Seksyen 15(c)(2) Akta Pekerja 1955 untuk tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai majikan dengan bersandarkan alasan bencana alam yang berada di luar kawalan manusia. Tindakan tegas majikan memberhentikan pekerja di atas alasan tidak mematuhi peraturan pekerjaan serta gagal mengambilkira kesukaran pekerja disebabkan oleh situasi penularan pandemik dianggap tidak mempunyai validiti dari perspektif undang-undang. Sementara itu, dilema yang serupa dihadapi oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam atau lebih dikenali dengan *Congress of Union of Employees in the Public Abd Civil Services* (CUEPACS) yang mewakili 1.2 pekerja sektor awam apabila permasalahan yang serupa timbul di atas ketidakberkesanan strategi pengurusan badan awam mengatur cara fleksibiliti jadual bekerja bagi kaki tangan awam semenjak pandemik Covid-19 tercetus. Contohnya pihak majikan tidak wajar memandang sambil lewa pertikaian berhubung pekerja awam gagal hadir bekerja akibat penutupan pusat penjagaan kanak-kanak. Selain itu isu logistik ke tempat kerja di atas kawalan pergerakan juga memberikan impak besar bagi pekerja untuk akses ke tempat kerja.

Sikap kurang prihatin majikan yang menekankan pengalaman bekerja sebagai syarat pengambilan menambah sukar bagi golongan belia memperoleh pekerjaan menggunakan kelayakan yang dimiliki. Meletakkan kriteria pengalaman sebagai salah satu justifikasi layak kepada perjawatan yang ditawarkan menjadikan kedudukan belia terkeluar dari liga

persaingan pekerjaan. Ini seterusnya mengakibatkan graduan bekerja secara sambilan dan tidak terikat dengan kontrak perkhidmatan. Fenomena tersebut mendorong kebimbangan MBM ke atas nasib belia yang tidak terbela. Aduan berhubung diskriminasi dan penindasan di tempat kerja terutama berkaitan dengan kadar upah dibawa kepada perhatian Kementerian Sumber Manusia tidak dapat sepenuhnya menyelesaikan permasalahan pengangguran dalam kalangan belia (Bernama, 2020b). Malahan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut menggesa kerajaan mempersiapkan kemungkinan sumber kewangan yang semakin meruncing apabila dana yang sedia ada disalurkan bagi jangka masa berterusan bagi menampung program-program pengekalan pekerjaan (Berita Harian, 2020c). Alternatif pihak majikan menggunakan saluran pekerja menggunakan dana dari Program Pengekalan Pekerjaan harus diberhentikan dengan meletakkan tanggungjawab di atas bahu majikan serta pihak berkaitan ke arah menjana program yang lebih bersifat mesra pekerja.

Majlis Belia Malaysia (MBM)

Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Seksyen 49 (1) Akta 668) pada 9 September 1950 Majlis Belia Malaysia (MBM) atau *Malaysia Youth Council* (MYC) diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai sebuah gagasan badan induk pertubuhan belia Malaysia sebagaimana termaktub di bawah Akta Pertubuhan (Majlis Belia Malaysia, 2021c). MBM yang bertaraf sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan telah diberi mandat menyelaraskan aktiviti belia dan pelajar di mana platform tersebut diutilasikan bagi tujuan memangkin pembangunan progresif belia dari bidang ekonomi, politik, sosial serta memupuk perkembangan aspek fizikal dan kerohanian generasi muda. Tanggungjawab berat itu melibatkan inisiatif pro-aktif MBB membangunkan program pendedahan pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan belia tanpa mengambilkira bangsa, latar belakang pendidikan dan agama. Tumpuan utama MBB adalah melengkapkan sahsiah jati diri belia menjadi seorang warga negara berwawasan, matang, kreatif dan berinovasi tinggi, bersemangat waja serta berdedikasi dalam dunia pekerjaan. Secara intihan, MBM berhasrat golongan belia bangkit cecal mendepani cabaran kehidupan dan menyumbang secara progresif ke atas pembangunan negara dalam sistem sokongan persekitaran kondusif.

Ucapan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri pada ketika itu memperincikan strategi dan mekanisme pelaksanaan dasar-dasar utama yang mendukung program pembangunan belia dari agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu merangkumi konteks pembangunan belia di peringkat global (Berita Harian, 2014). Penyelarasan program pembangunan belia di Malaysia merentas agensi pelaksana mewujudkan serta merangsang perhubungan, kerjasama, persefahaman dan persahabatan antara pertubuhan belia tempatan mahupun pertubuhan belia antarabangsa. Pembentukan kepimpinan melalui sikap kesukarelawan dan sikap bertanggungjawab dalam kalangan golongan belia akhirnya menggalakkan minat bagi kesuburan rohani, jasmani, ekonomi dan pendidikan bersama organisasi memiliki persamaan minat. Justeru itu antara lain sumbangan gerakan belia dibuktikan dari penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) yang telah digagaskan oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2021). University Islam Antarabangsa Malaysia menerajui keilmuan Islam gah apabila pada 17 Disember 2014 diaganugerahkan status Universiti Penyelidikan Islam Antarabangsa Terulung oleh UNESCO (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2021). Pada hari ini IIUM antara universiti awam yang mempunyai jumlah 30,649 pelajar antarabangsa daripada 117 buah negara. Sehingga tahun 2017, IIUM berjaya mengeluarkan graduan pra-siswazah seramai 85,854 orang di mana 73,677 terdiri

pelajar tempatan manakala seramai 12,177 datangnya dari pelajar antarabangsa (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2021).

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Pendidikan literasi politik memanfaatkan simbiosis golongan belia dengan pihak parti politik dalam cakna mengamalkan sikap ketelusan melaksanakan tanggungjawab tanpa unsur suapan mahupun penipuan. Amalan rasuah politik mendatangkan impak negatif kepada masyarakat dan negara terbukti dari zaman Tunku Abdul Rahman Putra al Haj sehingga kini di mana 'politik wang' merangkumi kegiatan rasuah atau suapan yang melibatkan salahguna kuasa, pembelian undian dan pelepasan wang dalam kalangan pemimpin negara (Sinar Harian, 2020). Sewaktu pemerintahan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad beliau menegaskan amalan pemimpin politik menyogok orang ramai terutama golongan belia boleh memusnahkan negara dalam sekelip mata (Bernama, 2019). Golongan belia bersifat naif mudah dimanupulasikan dengan umpanan duit oleh ahli politik. Perbuatan tidak bermoral ahli politik tersebut dianggap kritikal kerana orang muda tidak begitu jelas mengenai rasuah dan hanya menerima untuk kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan implikasi terhadap orang lain.

Justeru itu, sifar rasuah menjadi matlamat kerajaan bersih, cekap dan amanah yang dipelopori sekian lama oleh negara dalam usaha menanamkan nilai-nilai murni pemimpin negara. Parti politik yang mengamalkan sistem pentadbiran yang akur undang-undang sentiasa memastikan amalan bebas rasuah menjadi tunggak kepada kestabilan politik negara (Roselena, 2015). Pematuhan undang-undang signifikan dengan penurunan kadar jenayah yang melibatkan setiap lapisan masyarakat terutama bagi generasi muda yang cepat terpengaruh dengan laba keuntungan terutama dalam keadaan kehidupan mendesak. Manakala sikap rakus segelintir pemimpin yang tidak mepedulikan implikasi pengambilan rasuah harus dibendung dengan hukuman berat dan setimpal kerana keruntuhan etika bertentangan dengan prinsip negara demokrasi. Pemeliharaan akhlak pemimpin negara adalah vital bagi mengelakkan kesalahfahaman dan hilang kepercayaan kepada pemerintah (Rozita, Muhammad Rahimi & Bahiyah Abdul, 2018). Intihanya parti politik harus menunjukkan contoh yang baik kepada generasi muda dengan tidak memperlihatkan kepincangan dalam pentadbiran disebabkan oleh jenayah rasuah. Amalan parti politik dalam menerima dana bagi tujuan membiayai aktiviti-aktiviti politik seperti program kesedaran politik dan kempen mengundi dalam kalangan masyarakat disalahgunakan bagi kegunaan peribadi. Timbul persepsi negatif dalam kalangan belia mengakibatkan mereka sukar mempercayai ahli politik, akhirnya berpaling tadah daripada menyokong pemimpin yang berpotensi untuk memerintah kerajaan. Tuntasnya literasi pendidikan politik berhubung ketelusan dalam berpolitik sewajarnya diberikan kepada golongan belia agar mereka sedar bahawa kegiatan rasuah itu adalah salah di sisi undang-undang.

Natijah dari amanah yang diberikan kepada agensi kerajaan iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melaksanakan strategi pendidikan anti rasuah kepada umum mendapat maklum balas yang positif (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2020). Badan perundangan negara dengan dukungan badan kehakiman menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan memastikan kesalahan rasuah mendapat priority dalam hukuman kesalahan jenayah di negara kita. Peruntukan perundangan yang merujuk Seksyen 7(g) Akta SPRM 2009 bertujuan mendidik masyarakat untuk sama-sama bangkit menentang gelaja rasuah di segenap lapisan masyarakat tanpa prejudis (Sinar Harian. (2020). Manakala Seksyen

7(f) Akta SPRM 2009 memberi penumpuan khusus kepada memelihara identiti individu dalam melaporkan aktiviti rasuah dengan harapan perlindungan berkenaan mendapat kepercayaan dan sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah (Undang-undang Malaysia, 2009). Ini ditambah dengan hukuman sama ada bagi kesalahan menawarkan atau memberi rasuah adalah sama beratnya dari kaca mata undang-undang. Kesalahan menerima rasuah dengan niat sedar bersubahat dengan jenayah tersebut ditetapkan dalam Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 (Berita Harian, 2019e). Berdasarkan Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali nilai suapan sekiranya suapan dapat dinilai atau RM10,000 mana yang lebih tinggi dikenakan ke atas penerimaan rasuah yang disabit kesalahan (Berita Harian, 2019e). Idea bernas MBM mencadangkan pegawai kanan SPRM di pejabat Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagai langkah mencegah kegiatan rasuah sekaligus memperkukuh amalan integriti dalam kalangan ahli politik turut mendapat sokongan ramai (Sinar Harian, 2020). Inisiatif tersebut mendidik golongan belia agar tidak alpa memerangi rasuah dan mengamalkan integriti ketelusan demi memelihara imej dan keharmonian negara.

Bicara Ilmu

Kertas kerja ini mengentengahkan vitaliti pendidikan literasi politik dalam menjadi simbiosis golongan belia dalam mendepani cabaran arus perdana kepimpinan negara. Disputasi sasaran perbincangan secara tuntas menekankan manfaat literasi pendidikan ilmu politik dalam memperluaskan peluang generasi muda untuk berkecimpung dalam arena politik, mengilap bakat kepimpinan generasi, lantas secara dinamik mencorak lanskap kepimpinan negara ke arah pembangunan negara yang bersifat progresif. Selama ini umum disogokkan dengan imej belia yang tidak mempunyai kematangan, seolah-olah memberi gambaran bahawa mereka tidak layak diberi kepercayaan untuk terlibat dalam pentadbiran negara. Seharusnya persepsi sedemikian dieliminasi dari pemikiran masyarakat moden hari ini. Meskipun pentafsiran kematangan merujuk kepada kedewasaan pemikiran seseorang, namun ianya merupakan elemen yang berbeza dengan pentafsiran perilaku politik seseorang. Penafian kebebasan bersuara serta melontarkan pandangan adalah sama seperti menidakkan hak asasi warga negara demokrasi. Generasi muda bukan sahaja perlu bersemangat daya saing, malahan harus mempunyai keberanian tinggi agar tidak ketinggalan dalam pembangunan global setanding negara maju.

Stigma masyarakat terhadap generasi muda yang sering dilabelkan naif, pentingkan diri sendiri dan tidak berpengetahuan merupakan pemahaman yang membunuh pembangunan bangsa negara. Hakikatnya komuniti belia 18 ke 35 tahun jauh lebih matang dan sifat keprihatinan menebal dalam isu global terutama yang melibatkan isu musibah pandemik, perubahan iklim, peperangan dan penindasan bangsa, kemiskinan dan konflik agama di mana mereka memperlihatkan keterujaan bagi membantu menyelesaikan masalah global. Generasi belia Malaysia hari ini yakin sekiranya mereka diberi peluang untuk menyumbang ke arah penggubalan dasar negara mereka mampu mengatasi pemikiran barisan kepimpinan politik yang sedia ada. Antara pemimpin muda negara adalah Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang merupakan mantan Menteri Belia dan Sukan Malaysia dan menyandang jawatan sebagai wakil rakyat bagi kawasan parlimen di Muar, Johor. Ini membuktikan kerajaan sedar bahawa suara belia perlu didengari bukan sahaja di peringkat nasional malahan di persada dunia. Aspirasi sebagai medium Transformasi Nasional 2050 (TN50) dalam melahirkan pandangan dan mencetuskan idea dalam kalangan belia membantu mencorak hala tuju negara (Mohd Nizar *et al.*, 2017).

Akhir kata, bicara ilmu pendidikan literasi politik yang diujahkan dalam kertas kerja ini mengambilkira hala tuju negara dalam pembangunan belia bagi tempoh jangka masa 50 tahun mendatang. Visi dan misi Majlis Belia Malaysia (MBM) mendukung pencapaian Wawasan 2020 menjadikan Malaysia bertaraf negara terbilang menjelang 2057 (Majlis Belia Malaysia, 2021c). Mendasari pencapaian tahun 2020 sebagai asas kemajuan Malaysia maka negara menasaskan tahun 2057 mampu mengangkat Malaysia menerajui pelbagai bidang. Justeru itu pendidikan literasi politik wajar menjadi agenda kritikal pengurusan dan pembangunan belia dan harus difikirkan dalam konteks yang luas. Penggembengan bahu bagi mewujudkan budaya celik minda terhadap ilmu kenegaraan di setiap lapisan masyarakat wajar dilaksanakan seiring dengan proses pembangunan belia menjelang tahun 2057. Sayugia, Kerajaan Malaysia perlu melakukan unjuran pelaburan besar kepada golongan belia kerana mereka merupakan aset yang paling penting untuk kemajuan negara kita.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2105 dan TLS2110)

Rujukan

- Abdul Rashid Aziz @ Dorashid. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11): 1 -9.
- Ainon Mohd. (2003). *Teori dan Teknik Kepimpinan: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. (2014). Sejarah ABIM. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <http://www.abim.org.my/profil/sejarah-abim.html>.
- Astro Awani. (2020). Ahli Politik Punca Belia Di Malaysia Kecewa Dengan Demokrasi. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ahli-politik-punca-belia-di-malaysia-kecewa-dengan-demokrasi-tinjauan-272819>.
- Astro Awani. (2019). Undi 18: Belia dan politik. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/undi18-belia-dan-politik-212814>.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020a). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Ationg, R., Ibrahim, M.A., Esa, M.S. & Layapan, M. (2020b). Analisis Pola Pengundian Dan Senario Politik Semasa Di Malaysia Era Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 60-71.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., Ibrahim, Y., Hj. Ismail, K., Sidek, A. H., & Hj. Mohd Awal, N. A. (2012). Persepsi Belia Terhadap Isu Politik dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 7, 136-156.
- Bernama. (2020a). Peranan Belia Dalam Mendepani Cabaran. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842581>
- Bernama. (2020b). MBM Gesa Isu Berbangkit Pekerja-Majikan Pasca COVID-19 Diselesaikan. Diakses pada 01 Jun 2021, dari https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1847453.
- Bernama. (2019). Perangi Rasuah Untuk Memelihara Masa Depan. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/61292/BERITA/Nasional/Perangi-rasuah-untuk-memelihara-masa-depan>

- Berita Harian. (2021). Undi 18 Matangkan Fikiran Golongan Muda – MBM. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/812607/undi-18-matangkan-fikiran-golongan-muda-mbm>
- Berita Harian. (2020a). Ahli Politik Cakna Media Sosial Ubah Persepsi Rakyat. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/665256/ahli-politik-cakna-media-sosial-ubah-persepsi-rakyat>.
- Berita Harian. (2020b). Kadar Pengangguran Diunjur 5.5 Peratus Tahun Ini. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/688828/kadar-pengangguran-diunjur-55-peratus-tahun-ini>.
- Berita Harian. (2020c). Insentif PENJANA Usaha Kekal, Cipta Pekerjaan. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/699379/insentif-penjana-usaha-kekal-cipta-pekerjaan>
- Berita Harian. (2019a). Sekolah Rukun Negara Didik Belia Berkaitan Politik Sihat. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/592014/sekolah-rukun-negara-didik-belia-berkaitan-politik-sihat>.
- Berita Harian. (2019b). Kadar Penembusan Media Sosial Malaysia Tertinggi Di Asia Tenggara. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/01/526175/kadar-penembusan-media-sosial-malaysia-tertinggi-di-asia-tenggara>.
- Berita Harian. (2019c). Dewan Negara Lulus Pindaan Akta Turunkan Had Umur Belia Kepada 30 Tahun. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/588802/dewan-negara-lulus-pindaan-akta-turunkan-had-umur-belia-kepada-30>.
- Berita Harian. (2019d). Kembalikan Kuasa, Makna Sebenar Kesatuan Pelajar. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/06/578878/kembalikan-kuasa-makna-sebenar-kesatuan-pelajar>.
- Berita Harian. (2019e). (2019). Kesalahan Beri, Terima Rasuah Sama Berat. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/04/551114/kesalahan-beri-terima-rasuah-sama-berat>.
- Berita Harian. (2018). Umur 18 Tahun Wajar Dapat Hak Mengundi. Diakses pada 25 Mei 2021, dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/07/446925/umur-18-tahun-wajar-dapat-hak-mengundi>.
- Berita Harian. (2014). Teks Ucapan Bajet 2015. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/10/10769/teks-ucapan-bajet-2015>.
- Borneo Post. (2012). Sistem Dua Parti Beri Ruang Untuk 'Check and Balance'. Diakses pada 08 Jun 2021, dari <https://www.theborneopost.com/2012/05/21/sistem-dua-parti-beri-ruang-untuk-check-and-balance/>.
- Harlida Abdul Wahab & Mumtaj Hassan. (2016). Undang-undang dan Tadbir Sumber Manusia. Sintok. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Irma Wani Othman. (2019). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Irma Wani, O., Herlina, J., Hasbullah, A., and Muhammad Safuan, Y. (2017). Political Factor Acts in Influencing International Student's Decision of an Education Destination in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 2(3):08-13
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul

- Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7(12): 136-156
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Novel, L., dan Mazlan, A. (2013). Penggunaan Internet dan persepsi politik mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16: 1 – 13.
- Kementerian Belia dan Sukan (2015). Dasar Belia Malaysia. Diakses pada 10 Mei 2021, dari file:///C:/Users/welcome/AppData/Local/Temp/DasarBeliaMalaysia_BM.pdf.
- Kementerian Belia dan Sukan (2007). Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Diakses pada 10 Mei 2021, <http://www.kbs.gov.my/akta-dasar/akta.html>.
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. (2007). *Effective Leadership (3rd Edition)*. Australia: Thomson SouthWestern.
- Majlis Belia Malaysia. (2021a). Pendaftaran Menyertai Program Sekolah Politik 2.0 secara online. Diakses pada 10 Mei 2021, <https://belia.org.my/wp/2021/02/18/pendaftaran-menyertai-program-sekolah-politik-2-0-secara-online/>.
- Majlis Belia Malaysia. (2021b). Undi18 Hak Orang Muda: SPR Perlu Mencari Mekanisma Yang Baik Untuk Selesaikan Isu Pengundi Muda. Diakses pada 10 Mei 2021, <https://belia.org.my/wp/2021/04/06/undi18-hak-orang-muda-spr-perlu-mencari-mekanisma-yang-baik-untuk-selesaikan-isu-pengundi-muda/>.
- Majlis Belia Malaysia. (2021c). Siapa Kami. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://belia.org.my/wp/siapa-kami/>
- Majlis Belia Malaysia. (2020). Diakses pada 15 Mei 2021, Merungkai Kembali Isu Had Umur Belia Di Malaysia. <https://belia.org.my/wp/2020/08/21/merungkai-kembali-isu-had-umur-belia-di-malaysia/>.
- Majlis Belia Malaysia. (2019). Sekolah Politik MBM: Mendepani Cabaran dan Kepentingan Hubungan Luar. Diakses pada 15 Mei 2021, <https://belia.org.my/wp/2019/03/18/sekolah-politik-mbm-mendepani-cabaran-dan-kepentingan-hubungan-luar/>
- Majlis Belia Malaysia. (2018). Sekolah Politik Tingkat Pengetahuan Dan Kesedaran Di Kalangan Belia. Diakses pada 15 Mei 2021, <https://belia.org.my/wp/2018/06/08/sekolah-politik-tingkat-pengetahuan-dan-kesedaran-di-kalangan-belia/>.
- Majlis Belia Negara. (2011). Dasar Belia Negara. Diakses pada 10 Mei 2021, <https://www.yumpu.com/id/document/read/39523403/1deraf-ketiga-majlis-perundingan-belia-negara>.
- Martin, J. & Marion, R. (2005). Higher Education Leadership Roles In Knowledge Processing. *The Learning Organization*, 12(2), 140-151.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. (2011). Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa. Puchong: Penerbit Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa. (2020). Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar & Mohd Khata Jabor (2019). Penerapan Sifat Kepimpinan Guru Ke-Arah Mencapai Wawasan Pendidikan Negara. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(5), 1- 6.
- Mazli, M., Abdul Razak, A. R., dan Abdul Rashid, A. (2015). Penglibatan mahasiswa Melayu Universiti Awam dalam politik di Malaysia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*: 23 – 31.
- Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Perlaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia Dalam Parlimen Belia Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 13 (1): 1-17

- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). TN50 Generasi Muda: Suara Kepimpinan Masa Hadapan. *The International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues*, Universiti Utara Malaysia.
- Muhamad Ali, E. (2009). Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Hasbullah, A. Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Persekitaran Politik Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):59-67.
- Norhayati Mohd. Salleh. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12): “Tsunami” Politik Melayu? *JEBAT* 35: 49-64.
- Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhamad Shafiq Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin & Naszrul Nizam Muhamad Radhi. (2019). Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia Baharu. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2): 129-136.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Bayan Linnas Siri Ke 188: Penetapan Had Umur Mengundi Pada Umur 18 Tahun Menurut Perspektif Siyasah Syar’iyyah. Diakses pada 03 Jun 2021, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3540-bayan-linnas-siri-ke-188-penetapan-had-umur-mengundi-pada-umur-18-tahun-menurut-perspektif-siyasah-syar-iiyyah>.
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hassan & Bahiyah Abdul Hamid (2018). Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi Untuk Memimpin Menurut Sudut Pandang Pemikiran Wanita Akar Umbi. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19, 28-42.
- Roslizawati, T. & Mohd Rizal, Y. (2017). Pendemokrasian Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*,13(4): 93 – 105
- Roselena, M. (2015). Kepimpinan Berkualiti: Perspektif Mengenai Kompetensi Yang Diperlukan Untuk Memimpin Dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45, 143-154.
- Salman, A., Yusoff, M.A., Mohamad Salleh, M.A., & Hj Abdullah, M.Y. (2018). Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik Di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1):51-63.
- Sinar Harian. (2020). Ahli Politik Perlu Perkasakan Integriti. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/106696/KHAS/>
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2020). Pendidikan Antirasuah. Diakses pada 03 Jun 2021, dari https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=692.
- Suhailie, Y. (2019). Pengaruh Gaya Kepimpinan Ke Atas Prestasi Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 167-184.
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, Faridatulazna Ahmad Shahabuddin, Nur Riza Mohd. Suradi, Mansor Mohd Noor, Wan Suraya Wan Hassin & Wan Shahzlinna Shah Wan Shahr. (2016). Tanggungjawab Politik: Kajian Dalam Kalangan Pelajar IPTA. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah*: 305-310.
- Undang-undang Malaysia. (2009). Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Akta%20694%20-%20Akta%20Suruhanjaya%20Pencegahan%20Rasuah%20Malaysia%20-SPRM-%202009.pdf>.

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. (2021). Latar Belakang Universiti. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.iium.edu.my/my/page/background-6>.
- Utusan Borneo. (2014). Belia Berperanan Majukan Negara, Bakal Pemimpin Masa Depan. Diakses pada 25 Mei 2021, <https://www.utusanborneo.com.my/2014/02/17/belia-berperanan-majukan-negara-bakal-pemimpin-masa-depan>.
- Utusan Malaysia. (2021a). Membina Nilai Nasional Menghayati Rukun Negara. Diakses pada 25 Mei 2021, <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/02/membina-nilai-nasional-menghayati-rukun-negara/>.
- Utusan Malaysia. (2021b). Penangguhan Umur Mengundi 18 Tahun Cabul Hak Pengundi Muda – Peguam. Diakses pada 15 Mei 2021, <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/05/penangguhan-umur-mengundi-18-tahun-cabul-hak-pengundi-muda-peguam/>.
- Yahya Don, Aziah Ismail & Yaakob Daud. (2006). *Kepimpinan pendidikan di Malaysia*. Batu Caves Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid & Mohd. Asyraf Zulkifley. (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Holistik Dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono. *Journal of Social Science and Humanities*, 9 (2): 01-13.